

10 emas sasaran S'pura

Berita Harian, 20 April 1999, Page 14

Article also available on Microfilm Reel NL21623

Printer-Friendly Page

10 emas sasaran S'pura

PENCAK SILAT TERBUKA FILIPINA Oleh

YUSOFF A. RAHMAN

KATA jurulatih, 10 pingat emas.

Tetapi yang menjadi ramalan setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) ialah enam emas sahaja.

Namun, apa jua ramalannya, Singapura menaruh keyakinan akan pulang bersama pungutan pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Terbuka Filipina pada 24 dan 25 April ini.

"Kami meletakkan matlamat memenangi 10 pingat emas," kata jurulatih Singapura, Sheik Alaudin, sebelum rombongan Singapura seramai 23 pesilat dan pegawai berlepas ke Manila pagi ini.

Ini, jelasnya, ialah kerana kejohanan ini bukan Kejohanan Sedunia mahupun gelangang Sukan SEA.

Menurutnya, ia sekadar kejohanan antara wilayah Fi-

lipina dan seharusnya persaingan tidak sesengit sebagaimana di Kejohanan Sedunia ataupun Sukan SEA.

Singapura adalah negara tunggal luar negeri yang diundang memeriahkan kejohanan itu.

Setiausaha Persisi, Ajei Karmak, memberitahu bahawa beliau meramalkan Singapura mampu pulang dengan enam pingat emas.

Sheik meletakkan harapan kepada pesilat seperti dua bersaudara, Noor Rafili dan Zulfakar Ramli, Hidayat Hosni, A. Kadir Ibrahim, Amran Soari, Rafeah Rashid, Mateena Ibrahim dan Neny Hariena Abdul Hamid untuk mengharumkan negara.

Ini adalah kejohanan antarabangsa pertama para pesilat Singapura selepas menyertai Sukan SEA Jakarta pada 1997.

Dalam Sukan SEA itu, Singapura yang ketika itu dipimpin oleh Ramli Alwi sebagai ketua jurulatih, berjaya

mengutip sembilan pingat termasuk empat pingat perak.

Mengulas tentang persiapan anak buahnya, Sheik, yang dibantu oleh Jami Salam dan Mohamed Noor Hashim, berkata latihan telah berjalan lancar sejak November tahun lalu.

"Dari segi persiapan, kami telah mengadakan latihan sejak November lalu. Kini, kami hanya menunggu peluang untuk beraksi," kata Sheik, yang juga akan bertanding dalam Kelas J.

Senarai pesilat terpilih:
Lelaki — Amran Soari, Hidayat Hosni, Zulfakar Ramli, Noor Rafili Ramli, Abdul Kadir Ibrahim, Norazmi Makmor, Dzulfadli M. Jusfar, Huzairi Kassim, Jusri K. Karim, Sheik Alaudin.

Wanita — Neny Hariena A. Hamid, Mateena Ibrahim, Nurool'ain Hussin, Rafeah Rashid, Siti Fairuzah Zamudin.

Harapan Pesilat Negara:

44Menjadi matlamat saya untuk mengutip pingat emas dalam kejohanan ini. Saya tidak mahu memikirkan tentang siapa pencabar saya. Yang penting, saya beriklan tunggus sepenuhnya. //

— Bekas johan dunia, Hidayat Hosni.

44Saya rasa saya sudah bersedia untuk menghadapi cabaran kejohanan ini. Selain latihan dengan skuad nasional, saya juga mengadakan latihan tambahan bersama rakan-rakan lain. //

— Pemegang pingat perak Sukan SEA, Rafeah Rashid.

44Saya puas hati dengan persiapan saya. Bahkan, persiapan saya kali ini adalah lebih baik daripada kejohanan Terbuka Malaysia. Insha-Allah, saya juga berazam untuk memenangi pingat emas. //

— Mateena Ibrahim.



Gambar oleh ZAINAL YAHYA